

# VIBEE<sup>®</sup> TABLETS

Thiamine mononitrate (B1)/Pyridoxine hydrochloride (B6)/Cyanocobalamin (B12) (100mg/200mg/200 mcg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Vibee<sup>®</sup> tablets*
2. Bagaimana *Vibee<sup>®</sup> tablets* berfungsi
3. Sebelum mengambil *Vibee<sup>®</sup> tablets*
4. Cara menggunakan *Vibee<sup>®</sup> tablets*
5. Semasa menggunakan *Vibee<sup>®</sup> tablets*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Vibee<sup>®</sup> tablets*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Vibee<sup>®</sup> tablets*

Ia digunakan pada orang yang mempunyai gangguan saraf dan kekurangan atau peningkatan keperluan vitamin B1 B6, B12. Ini mungkin disebabkan oleh komplikasi daripada penyakit seperti kencing manis dan kerosakan saraf pada alkoholik. Ini juga boleh merangkumi keradangan, degenerasi atau sakit belakang dan gejala ketidakselesaan lain.

## Bagaimana *Vibee<sup>®</sup> tablets* berfungsi

*Vibee<sup>®</sup> tablets* adalah gabungan tiga vitamin penting (B1, B6 dan B12) untuk saraf dalam dos yang tinggi.

## Sebelum mengambil *Vibee<sup>®</sup> tablets*

- *Bila tidak boleh mengambil*  
Jangan ambil *Vibee<sup>®</sup> tablets* jika anda alah kepada Thiamine, Pyridoxine dan Cyanocobalamin atau apa-apa bahan lain dalam ubat ini.

*Mengandung dan menyusukan anak*  
Jangan ambil *Vibee<sup>®</sup> tablets* jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Semua bahan aktif didapati dalam susu ibu. Jangan ambil *Vibee<sup>®</sup> tablets* jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- *Sebelum mula mengambil*  
Ambil ujian sensitiviti sebelum memakan tablet *Vibee*.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*  
Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil mana-mana yang berikut:

- Levodopa (untuk penyakit Parkinson)
- Aminoglycosides, Chloramphenicol (antibiotik)
- Anticonvulsants (cth, phenytoin, phenobarbital, primidone) (untuk epilepsi)
- Colchicine (untuk gout)

## Cara menggunakan *Vibee<sup>®</sup> tablets*

- *Berapa banyak harus digunakan*  
Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Ambil 1-2 biji tablet tiga kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor.

Tablet perlu ditelan tanpa mengunyah dengan sedikit air bersama atau selepas makan.

- *Bila perlu digunakan*  
Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa lama perlu digunakan*  
Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- *Jika terlupa menggunakan*  
Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda

untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan konvulsi dan kematian.

## Semasa menggunakan *Vibee<sup>®</sup> tablets*

- *Perkara yang perlu dilakukan*  
Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan *Vibee<sup>®</sup> tablets*

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*  
Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi *Vibee<sup>®</sup> tablets* dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian Memandu dan menggunakan jentera*  
Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, *Vibee<sup>®</sup> tablets* boleh menyebabkan kesan sampingan,

walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Thiamine boleh menyebabkan perasaan hangat, kesemutan, gatal, rasa sakit, geligata, kelemahan, berpeluh, rasa mual, kegelisahan, sesak tekak, bengkak di bawah kulit, kesukaran bernafas, warna kulit kebiruan, bengkak, pendarahan gastrik dan tekanan darah rendah.

Pyridoxine pada dos yang tinggi boleh menyebabkan rasa mual, sakit kepala, pedih atau rasa mencucuk, mengantuk, dan meningkatkan enzim hati dan menurunkan paras asid folik.

Cyanocobalamin pada dos yang tinggi menyebabkan cirit-birit, pembekuan darah dalam saluran darah, gatal-gatal, kemerahan, geligata, rasa bengkak seluruh badan, tindak balas alahan yang serius dan mengancam nyawa, dan kematian.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan Vibee® tablets**

##### **- Penyimpanan**

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di suhu tidak melebihi 30°C. Lindungi dari cahaya dan kelembapan.

##### **- Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat lanjut**

##### **- Rupa dan warna produk**

Bulat, dwicembung, tablet bersalut filem berwarna merah jambu, diukir logo BIOLAB di satu muka dan bergaris pada muka lain.

##### **- Bahan-bahan kandungan**

- Bahan aktif
  - Vitamin B<sub>1</sub> (Thiamine)
  - Vitamin B<sub>6</sub> (Pyridoxine)
  - Vitamin B<sub>12</sub> (Cyanocobalamin)
- Bahan tidak aktif
  - Magnesium Stearate
  - Colloidal silicon dioxide
  - Isopropyl alcohol
  - Povidone K-30
  - Hydroxypropyl methylcellulose
  - Ethylcellulose
  - Titanium dioxide
  - Talcum
  - Polyethylene glycol 4000
  - Propylene glycol
  - Carmoisine lake
  - Methylene chloride

##### **- Nombor MAL**

MAL20020541XZ

#### **Pengilang**

Biolab co., ltd.  
625 Soi 7A Bangpoo Industrial Estate,  
Samutprakarn 10280, Thailand.

#### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Medispec (M) Sdn. Bhd.  
No. 55 & 57, Lorong Sempadan 2 (Off  
Boundary Road) 11400 Ayer Itam,  
Penang, Malaysia

#### **Tarikh kemaskini RiMUP**

23.2.2018

#### **Nombor Siri**

NPRA(R4/1)240118/00025